

16/05/2002

Dr M jamin keselamatan pelaburan syarikat AS

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada Amerika Syarikat bahawa pelaburannya di Malaysia bukan saja selamat dan terjamin tetapi juga akan terus membawa pulangan baik.

Sambil menyifatkan ekonomi dan suasana perniagaan Malaysia sebagai cemerlang, Perdana Menteri berkata, beliau berharap pelabur Amerika akan terus menunjukkan keyakinan terhadap negara ini dengan pelaburan baru yang lebih besar.

"Walaupun dengan kejayaan ekonominya, Malaysia tidak akan berhenti daripada terus mencuba mencapai kejayaan selanjutnya dan akan berusaha keras meraih kejayaan lebih baik", katanya pada majlis makan malam Majlis Perniagaan AS-Asean, di Washington, kelmarin.

Sementara itu, Bernama melaporkan Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata usaha itu akan dapat dicapai dengan membangunkan secara agresif sektor perbankan, kewangan dan korporat.

Pada masa yang sama katanya, Malaysia juga akan melaksanakan pembaharuan kewangan baru bagi mencapai ketelusan dan tanggungjawab yang lebih baik.

Dr Mahathir berkata, undang-undang korporat dan sekuriti juga sedang dalam proses diperbaharui untuk meningkatkan tadbir urus korporat serta menjamin ketelusan dalam pasaran modal Malaysia.

"Kerajaan komited sepenuhnya kepada penswastaan, penyusunan semula dan pembaharuan. Kami komited kepada pemodenan dan pertumbuhan berterusan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelaburan AS di Malaysia berkembang dengan konsisten dan negara itu kekal sumber terbesar pelaburan langsung asing (FDI) sejak beberapa tahun lalu dengan nilai berjumlah AS\$10.5 bilion pada 2001 (RM39.9 bilion).

Beliau berkata, lebih 30 syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500 kini beroperasi di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Malaysia terus berjaya menarik jumlah FDI besar meskipun berdepan persaingan sengit di seluruh dunia.

Pelaburan asing dalam sektor pembuatan sejak tempoh lima tahun dari 1997 hingga 2001 berjumlah AS\$19.7 bilion (RM74.86 bilion) dengan sumber ialah dari AS, Jepun, Kesatuan Eropah, Singapura dan Taiwan.

"Syarikat Amerika selesa berada di Malaysia dengan suasana perniagaan selamat, terjamin dan sangat positif dan keuntungan terutama bagi firma AS adalah tinggi.

"Kami tidak iri hati dengan apa yang anda capai. Bagi kami, keuntungan bukan satu dosa dan anda dialu-alukan untuk mendapatkannya," katanya.

Beralih kepada Asean, Perdana Menteri berkata, perkumpulan serantau itu kini mempunyai lokasi pelaburan yang baik dan bertambah baik setiap masa.

Beliau turut menggesa firma Amerika melabur di negara lain di Asean kerana ia akan menjadi pusat kegiatan serantau bagi kawasan ekonomi yang semakin penting di dunia.

Sambil menyatakan Malaysia sudah lama mengamalkan prinsip 'memakmurkan jiran', beliau berkata, tiada apa yang dapat menyumbang kepada kestabilan jiran Malaysia dan rantau ini secara keseluruhannya melainkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Dr Mahathir berkata, ketika AS dan Malaysia tidak lagi berdepan fahaman komunis militan, kedua-dua negara kini perlu mengekang satu lagi ancaman hampir sama yang memberi cabaran lebih besar iaitu keganasan.

Beliau berkata, Malaysia tidak bertolak ansur dengan pengganas sama ada

mereka berjuang untuk sesuatu yang mulia ataupun tidak.

"Ini adalah tindakan ganas dan sesiapa saja yang terbabit perlu dianggap sebagai pengganas oleh sesiapa saja tanpa mengira sebab yang mereka perjuangkan," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, tiada bangsa atau agama berhak dikutuk atau dibezaikan hanya kerana sesetengah pihak daripada bangsa mereka terbabit dalam kegiatan keganasan.

Dr Mahathir berkata, Presiden George W Bush mengakui sokongan Malaysia dalam usaha menentang keganasan ketika pertemuan mereka ketika mesyuarat Apec di Shanghai Oktober lalu dan sekali lagi dalam pertemuan mereka di White House, Selasa lalu.

"Kami berbincang secara bersemuka isu penting tentang keganasan ini dan Amerika Syarikat boleh berharap kepada sokongan berterusan Malaysia menentang keganasan," katanya.

Dr Mahathir beberapa kali diberi tepukan gemuruh ketika berucap di hadapan lebih 300 tetamu termasuk beberapa orang Senator dan ahli Kongres dan pemimpin syarikat terkemuka Amerika yang melabur atau berdagang dengan Malaysia.

Mereka bersesak memenuhi dewan makan Hotel Willard Intercontinental dan memberikan `standing ovation' sebaik selesai Dr Mahathir berucap.

Sebelum itu, presiden majlis itu yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan AS-Malaysia, Ernest Bower memperkenalkan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang banyak membawa kemajuan di Malaysia dan berjaya menggalakkan pelabur ke sana.

Malah beliau menyebut Dr Mahathir sebagai Ketua Eksekutif Malaysia Inc kerana usahanya meningkatkan jumlah FDI ke Malaysia.

Beliau berkata, anggota majlis itu terdiri daripada pelbagai syarikat AS termasuk firma gergasi yang sudah banyak melabur di Malaysia.

Beliau menganggap lawatan Dr Mahathir berjaya mengembalikan hubungan politik yang akrab antara Malaysia dan AS yang telah terjejas sebelum ini.

(END)